

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK
GANDUM [JULAU]**

TARIKH : 18.5.2015

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nama beberapa buah sekolah yang dicadangkan untuk disatukan dengan beberapa buah sekolah yang telah usang, kurang murid dan didapati sekarang sangat berdekatan kerana mode perhubungan ke sekolah telah bertukar dari sungai (perahu) ke jalan darat (kenderaan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang berhormat, berdasarkan pengalaman dan pelaksanaan sekolah berpusat yang diwujudkan di Sabah dan di Sarawak, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan buat masa ini konsep ini tidak diperluaskan lagi kerana konsep sekolah berpusat adalah tidak bersesuaian untuk pendidikan peringkat rendah terutama bagi murid tahun 1 sehingga tahun 3 tidak bersesuaian berada di asrama. Di samping murid-murid tersebut masih tidak boleh menguruskan diri mereka, pihak ibu bapa tidak mahu berpisah dan melepaskan anak mereka yang masih kecil tinggal di asrama. Oleh itu, KPM berpandangan pembinaan sesebuah sekolah peringkat rendah

perlu berada dekat dengan komuniti setempat supaya hak kanak-kanak yang perlu berada bersama keluarganya tidak dinafikan.

Seperti yang digariskan dalam Inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM berhasrat untuk menggabungkan sekolah kurang murid (SKM) seperti kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun, KPM akan bekerjasama dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan setempat bagi menentukan masa depan sekolah dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid bagi memastikan kualiti pendidikan anak mereka diberi keutamaan. Di samping itu, KPM juga sentiasa memastikan sekolah kecil di kawasan luar bandar serta pedalaman yang usang dibaiki pulih bagi memastikan bangunan sekolah yang digunakan selamat untuk murid-murid dan guru-guru.

RJM07